

## PENGUKUHAN KEMAHIRAN INSANIAH PELAJAR TAHUN AKHIR DI IPTS: CABARAN MENEMPUHI ALAM KERJAYA

Rahazimah Binti Ibrahim @ Ismail<sup>1</sup>, Abdul Razaq Bin Ahmad<sup>2</sup>

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: rahazs07@gmail.com

### Abstrak

Memiliki kerjaya sejourus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Keupayaan seorang graduan itu menghadapi alam kerjaya perlulah lebih mantap dari sudut fizikal, intelektual serta emosi. Berbekalkan ilmu yang dipelajari sejak dari bangku sekolah lagi. Keupayaan insaniah (*soft skills*) sewajarnya dititik-beratkan bukan sahaja di peringkat menara gading malah ianya mampu diasah sejak dari kecil lagi. Persediaan menempuh alam reality yang semakin mencabar kini memerlukan tahap keupayaan yang setimpal yang mampu menangani segala jenis permasalahan dihari muka. Kemahiran insaniah atau kemahiran generic ini tidaklah asing untuk diperbahaskan. Kertas konsep ini dihasilkan adalah bertujuan untuk mengupas isu berkaitan kemahiran insaniah yang dimiliki oleh pelajar di Insituti Pengajian Tinggi Swasta dan sejauh mana kebolehan ini menepati sasaran majikan dalam penempatan pekerjaan. Antara domain utama yang dikupas adalah kemahiran komunikasi, berfikir secara kritis serta pengendalian kerja berpasukan. Sebagai seorang pelajar di tahun akhir, kemahiran insaniah ini dilihat amat penting demi menempuh dunia pekerjaan yang semakin mencabar.

**Kata kunci :** pelajar tahun akhir, kemahiran insaniah, kemahiran komunikasi, berfikir secara kritis, kerja berpasukan

### Abstract

Having a career after graduating from a higher education is one of the dimensions of graduate marketing. The ability to see the graduates facing the realm of careers should be more robust from their physical, intellectual and emotional perspectives. With the knowledge learned from school, soft skills should be emphasized not only at the level of the ivory tower, but it can also be honed from childhood. Preparations through the reality of a more challenging real estate now require an appropriate level of ability capable of addressing all kinds of issues ahead of time. This generic skill or generic skill is not alien to debate. This concept paper is designed to cover issues related to the soft skills possessed by students in the Private Higher Education Institutions and to what extent these abilities fit the employer's target of job placement. Among the major domains that are highlighted are communication skills, critical thinking and teamwork handling. As a student in the final year, this soft skill is seen to be important in order to take on a challenging job world.

Keyword: final year students, soft skills, communication skills, critical thinking, teamwork

## 1.0 PENGENALAN

Kertas konsep ini dihasilkan bertujuan untuk mengupas tentang tahap pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar tahun akhir di Institut Pengajian Tinggi Swasta di Malaysia. Pelajar tahun akhir merupakan bakal graduan yang akan melangkah masuk ke alam pekerjaan yang lebih mencabar. Sehubungan dengan itu, selain berbekalkan segulung sijil yang tertera mengenai pencapaian dari sudut akademik, para graduan haruslah mempunyai bekalan insaniah yang tertanam dalam diri mereka. Perubahan dunia global yang semakin mencabar serta sentiasa memandang ke hadapan memerlukan seseorang pekerja yang bukan sahaja berbakat dalam membuat sesuatu tugas malah bijak dalam merencanakan serta menghadapi pelbagai cabaran dengan rasional. Kepekaan terhadap tuntutan pasaran kini yang mengentengahkan aspek insaniah adalah satu kesedaran yang perlu wujud dalam diri mereka kerana aspek ini merupakan satu perkara penting yang dinilai oleh para majikan pada masa kini. Antara aspek yang bakal dikupas adalah berkaitan kebolehan berkomunikasi, tahap pemikiran yang kritis dalam menyelesaikan masalah serta kemampuan untuk bekerja secara berkumpulan.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Isu kadar pengangguran yang berlaku di Malaysia merupakan suatu senario yang tidak asing diperkatakan lagi pada masa kini sehinggakan terdapat segelintir pihak berpendapat ianya merupakan satu


kegagalan yang dialami oleh sistem pendidikan peringkat tinggi negara dalam melahirkan graduan yang berkeupayaan memenuhi kehendak serta keperluan industri semasa. Lesli (2005) menyatakan pendekatan P&P di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kurang memberi penekanan dalam pengembangan aspek kemahiran generik. Natijahnya, ramai graduan yang gagal mendapatkan pekerjaan walaupun pencapaian akademik yang baik. Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu memainkan peranannya yang tersendiri dalam membentuk pembangunan modal insan demi melahirkan para cendekiawan serta graduan bukan sahaja berkualiti bahkan mempunyai personaliti yang unggul atau *towering personality* (Khatijah dan Siti Nazilah, 2006). Gaya hidup yang semakin mencabar seiring dengan perkembangan globalisasi telah mengubah rentak ekonomi negara tika ini. Peralihan ekonomi sejajar dengan kehendak pasaran global telah membuka peluang yang sangat lebar kepada ekonomi yang berteraskan perindustrian dan berpengetahuan. Oleh hal yang demikian, kebolehpasaran para graduan perlulah seiring dengan kepesatan ekonomi yang memerlukan pemantapan pembangunan modal insan yang berkualiti, berkemahiran serta berketerampilan demi memantapkan pertumbuhan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pihak IPT memainkan peranan yang teramat penting dalam menyediakan produk-produk yang berkualiti dalam memenuhi pasaran global dunia. Sesi pembelajaran yang disediakan di IPT seharusnya memenuhi standard dan piawaian yang telah disediakan oleh Malaysian Qualification Framework (MQF) yang menekankan lapan domain hasil pembelajaran yang dianggap penting bagi Malaysia iaitu: pengetahuan ilmu bidang, kemahiran praktikal, kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial, etika, moral dan keprofesionalan, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik, pengurusan maklumat dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, dan kemahiran mengurus dan keusahawanan (Syed, 2006). Nescaya dengan penerapan hasil daripada domain-domain ini seharusnya dapat membimbing serta menjadi dorongan kepada seseorang pelajar itu untuk melengkapkan diri ke persada dunia pekerjaan yang sebenar.

Pelajar yang bermotivasi tinggi serta mempunyai bekalan jati diri yang kukuh akan mempunyai peluang yang luas untuk meloloskan diri mereka dalam memenuhi keperluan kebolehpasaran mahasiswa pada masa kini. Penekanan dari perspektif Islam juga tiada tolok bandingnya dalam memantapkan diri dari sudut kemahiran generik ini. Di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang mengupas perihal cara berkomunikasi, bekerja secara kolektif, penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat serta pembangunan peribadi. Setiap intipati yang diungkapkan ini bukan sahaja mencakupi aktiviti sosial atau kehidupan seharian, malah ianya juga sesuai untuk diaplikasikan di tempat kerja dan di sesebuah organisasi. Intipati yang diterapkan di dalam Al Quran menyentuh kedua-dua aspek iaitu persediaan mendalami ilmu duniawi serta penekanan terhadap ilmu insaniah yang bertujuan untuk membina sahsiah diri yang mampan serta menjadi seorang hambaNya yang berguna dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan (Jabnoun 1985: 48).

### 3.0 PERNYATAAN MASALAH

Persaingan yang semakin hebat antara para graduan untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan semakin mencabar. Pada masa kini, menamatkan pelajaran di peringkat menara gading sebenarnya tidak menjanjikan seseorang itu untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakannya. Secara umumnya, segulung ijazah atau sijil diploma yang diperolehi boleh menjadi satu tiket untuk mendapat pekerjaan yang setimpal dengan kelayakan para graduan. Walau bagaimanapun, dengan peralihan ekonomi serta tuntutan kriteria yang diperlukan oleh para majikan pada masa kini tidak begitu memandang kepada keupayaan intelektual semata-mata, malah keperibadian serta kemahiran dari sudut insaniah merupakan antara kunci utama yang dinilai semasa sesi temuduga dijalankan. Walaupun banyak peluang pekerjaan yang dipaparkan di laman sesawang pencarian kerja mahupun diwar-warkan dalam akhbar, namun bilangan penganggur dari sehari ke sehari semakin bertambah jumlahnya. Bilangan jumlah pengangguran yang berlaku di Malaysia kini dilihat sukar untuk dibendung dan ianya meliputi pelbagai jenis bidang yang tersedia di semua Institusi Pengajian Tinggi tidak kiralah awam mahupun swasta. Laporan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (2017) menunjukkan bahawa terdapat lima bidang pengajian utama yang mempunyai jumlah graduan menganggur iaitu bidang Sains, Sastera dan Sains Sosial, Teknikal, Teknologi Maklumat dan juga Pendidikan. Setiap satu bidang ini mempunyai kadar peratusannya yang tersendiri yang rata-ratanya adalah tinggi. Jika dilihat pada laporan ini, jelaslah menunjukkan tidak kira apa jua bidang atau jurusan sekalipun namun ianya turut menyumbang kepada kenaikan peratusan bilangan penganggur di Malaysia pada tika ini.

### Kadar Pengangguran Mengikut Bidang Pengajian\*



\*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Rajah 1: Kadar pengangguran mengikut bidang pengajian di Malaysia 2016. Sumber dipetik dari Prospek dan Dasar pada Tahun 2017 Pengangguran Belia di Malaysia oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia.

Persiapan diri dalam menempuh alam kerjaya bukanlah suatu yang mudah malah ianya memerlukan pemantapan dari pelbagai sudut. Oleh hal yang demikian, kejayaan yang diterjemahkan menerusi pencapaian akademik semata-mata bukanlah satu mata pengukur hala tuju yang sebenar untuk menempatkan diri dalam dunia kerjaya. Daya saing yang terlalu tinggi serta peluang pekerjaan yang agak terhad pada masa kini menjadi kesukaran kepada para graduan yang baru menamatkan pelajaran di menara gading. Antara faktor kritikal yang boleh mempengaruhi peluang untuk mendapatkan pekerjaan termasuklah tahap kualiti pendidikan, kesediaan majikan untuk mengambil graduan tempatan, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi Malaysia dan kualiti graduan itu sendiri (Muhammad Hazrul Ismail, 2014). Tidak dinafikan pencapaian akademik yang cemerlang akan mendorong seseorang graduan itu untuk memilih jenis pekerjaan yang sesuai dengan tahap keupayaan mentalitinya. Akan tetapi, kayu pengukur utama yang diingini oleh majikan dewasa kini tidak hanya berpandukan kepada gred penilaian yang tinggi, malah mereka lebih cenderung untuk menilai tahap pengukuhan diri yang lahir dari dalam diri pelajar itu sendiri. Misalannya, kebolehan komunikasi merupakan satu aspek yang penting dalam menonjolkan kemampuan diri sendiri. Tidak semua insan di dunia ini dilahirkan dengan tahap keyakinan yang semulajadi, malah bakat ini perlulah diasah serta digilap sejak dari zaman bangku sekolah lagi. Para pendidik memainkan peranan mengasah kebolehan kemahiran insaniah ini. Keberanian untuk tampil di hadapan serta mampu membuahkan akal fikiran yang kritis antara faktor yang penting untuk dipertunjukkan di hadapan majikan apabila tiba sesi temuduga pemilihan kerja dilakukan. Kesemua asas kemahiran insaniah ini teramat berguna sehingga pelajar menginjak ke alam dewasa kelak.

#### 4.0 OBJEKTIF

Selaras dengan peredaran masa yang serba kompleks kini, persediaan menghadapi hari muka akan menjadi lebih mencabar. Justeru, ianya menjadi satu keutamaan bagi pihak kerajaan dalam menyumbangkan pelaburan yang tinggi dalam pembangunan modal insan ini terutamanya di peringkat tertiary. Setiap rancangan pelan dan dasar yang diperkenalkan kepada IPT akan diperhalusi demi memenuhi tuntutan keperluan pasaran global. Tahap penguasaan kemahiran insaniah yang dimiliki oleh para graduan seharusnya setimpal dengan masa yang diluangkan oleh mereka semasa menuntut di menara gading. Kepelbagaian sumber serta budaya yang mereka pelajari sedikit sebanyak membuka ruang kepada mereka untuk mengenalpasti keupayaan personal yang mereka miliki. Pendekatan yang ingin dikupas dalam kertas konsep ini adalah bertujuan untuk membincangkan beberapa aspek:

- Penerapan penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar tahun akhir di IPTS
- Penerapan tahap penguasaan kemahiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar tahun akhir di IPTS

- Penerapan tahap penguasaan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar tahun akhir di IPTS

## 5.0 TINJAUAN LITERATUR

Peruntukan yang besar telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Malaysia bagi membiayai program-program dan projek yang berkaitan pembangunan modal insan di peringkat tinggi. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada tahun 2006-2010 yang lalu, sejumlah RM16 billion telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut. Kemudahan yang disediakan juga merangkumi aspek penambahbaikan infrastruktur dewan kuliah, makmal serta menaik taraf kemudahan sedia ada di semua institusi pengajian tinggi awam di seluruh negara. Usaha yang dilakukan oleh pihak berwajib ini bertujuan untuk mensasarkan 40 peratus kadar penyertaan di peringkat tertiar yang merangkumi pelajar berumur 17 hingga 23 tahun pada tahun 2010. Pada ketika itu, usaha ini dilihat berhasil dengan meningkatnya bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di kedua-dua institusi awam mahupun swasta (Laman web Kementerian Pengajian Tinggi). Pelan ini jelas membuktikan betapa pihak kerajaan telah melaksanakan satu dasar yang mementingkan aspek modal insan demi melahirkan para graduan yang bukan sahaja cemerlang dari sudut pencapaian akademik malah mempunyai asas kemahiran insaniah yang seimbang demi menjadi tunggak penggerak ekonomi pada masa hadapan.

Dalam masa yang sama, peranan IPT amat penting dan tidak boleh dipandang enteng oleh mana-mana pihak dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dalam menempuh arus pemodenan. Ini adalah kerana, graduan merupakan peneraju kejayaan dalam mencapai wawasan 2020 untuk menjadi negara maju. Dalam hal ini Pelan Integriti Nasional (PIN) menyatakan “Kecemerlangan pelajar hari ini tidak tertumpu pada pencapaian kecemerlangan dalam akademik sahaja. Oleh itu, kecemerlangan pelajar perlu diukur pada daya kualiti diri khususnya bagaimana ia dapat menampilkan diri sebagai seorang pemimpin pada masa akan datang. Kualiti kepimpinan perlu merangkumi aspek sahsiah pelajar. Keunggulan sahsiah pelajar amat perlu diberikan perhatian bagi membolehkan mereka menggembeleng dengan keintelektualan yang mereka miliki. Dengan penggabungan antara keintelektualan dan keunggulan sahsiah, negara akan memperoleh bakal pemimpin yang dinamik dan berintegriti. Integriti individu ialah keselarasan antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya; keselarasan antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan antara kepentingan diri dan kepentingan umum. Apa yang dilakukan individu itu pula cepat, tepat dan bermutu. Apabila ia bertindak atau bertingkah laku demikian secara konsisten dalam pelbagai segi, dia dikatakan mempunyai integriti. Apabila bertindak sebaliknya dikatakan tidak berintegriti atau lemah integriti”. (Pelan Integriti Nasional, 2004)

Penawaran pekerjaan yang semakin kompetitif sehinggakan terdapat segelintir majikan yang terpaksa mengecilkan skala jumlah pekerja mengakibatkan kesukaran para graduan untuk meloloskan diri ke gawang pekerjaan. Objektif yang paling tipikal oleh majikan tentang pemberhentian pekerja adalah untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti, memberi lebih ruang untuk daya saing sesama pekerja serta mengurangkan kos tenaga kerja (Consolata N. Ochieno, 2013). Tenaga buruh telah digantikan dengan penggunaan peralatan serta mesin yang hanya memerlukan kos penyelenggara yang minima merupakan antara alasan utama jumlah pekerja semakin dikurangkan. Natiujahnya, lambakan para graduan akan terus berleluasa dan menyebabkan pemilihan kerja mereka tidak setara dengan kelayakan yang mereka miliki. Seiring dengan kemajuan teknologi, kemahiran tenaga kerja yang diperlukan juga turut mengalami perubahan (Wilkinson & Redman, 2009). Para majikan memandang serius tentang keupayaan pekerja yang mereka ingini dek kerana peredaran arus global kini merencanakan sesuatu yang memerlukan pemikiran yang lebih kritis dalam menyempurnakan sesuatu tugas. Menurut Noraini dan Haslina (t.t), para majikan tidak mengambil kira akan keupayaan fizikal semata-mata, malahan mereka yang tergolong dalam golongan kurang upaya juga akan diambil bekerja sekiranya mereka memenuhi kriteria sebagai seorang pekerja yang mempunyai kemahiran generic, asas kemahiran teknikal dan kelayakan akademik yang setimpal. Ini menunjukkan bahawa sesiapa sahaja berhak untuk mendapat peluang pekerjaan yang terbentang luas di hadapan mereka. Keutamaan kemahiran generic atau kemahiran insaniah ini merupakan satu tunjak utama untuk dinilai sebagai seorang pekerja mahir produktif.

Antara kemahiran generic yang dipandang tinggi oleh majikan adalah kemahiran komunikasi yang berkesan. Tahap komunikasi ini diukur berdasarkan keupayaan seseorang itu menghuraikan hujah dengan penuh keyakinan serta memberikan buah fikiran yang mantap. Selain itu juga, tidak hanya satu bahasa yang diambil kira, malahan keupayaan untuk fasih berbahasa asing seperti Bahasa Inggeris amatlah perlu dititik

beratkan. Hal ini dibuktikan oleh Nurul Salmi dan Mohd Isha (2014) mendapati penguasaan bertutur dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan para graduan berada pada tahap yang rendah. Walaupun penggunaan teknologi semakin menular di setiap pelusuk dunia, namun kemahiran bertutur dengan fasih sesama manusia merupakan satu elemen yang amat penting dalam mengukuhkan sesuatu jambatan perhubungan. Sebagai contoh, pihak pemasaran tidak mampu untuk menarik perhatian para pembeli sekiranya mereka tidak berkomunikasi dengan penuh keyakinan terhadap produk-produk yang ingin mereka pasarkan. Setiap gerak-geri serta lenggok bahasa yang sesuai perlulah diambil kira dalam menterjemahkan kebaikan serta kehebatan produk yang mereka miliki demi mendapat pulangan yang lumayan kepada keuntungan syarikat.




Rajah 2: Pendapat majikan terhadap persediaan graduan menghadapi alam pekerjaan.

Merujuk kepada rajah 1 di atas, 81peratus dalam kalangan graduan pada masa kini tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Kaji selidik yang dikeluarkan oleh Bank Dunia pada tahun 2016 ini jelas membuktikan bahawa para majikan memandang serius tentang perihal ini dan mereka tidak teragak-agak untuk tidak menerima pekerja yang kurang berkeyakinan dalam berkomunikasi. Kepentingan berkomunikasi ini juga dititik-beratkan dalam Al Quran. Perkataan 'komunikasi' dalam penggunaan akademik adalah dari kata dasar 'wsl' yang bermaksud 'menjadi penyebab', 'untuk mencapai' atau 'untuk dibawa' (Ghazali, 2007). Allah S.W.T telah menggunakan istilah 'wsl' ini di dalam Surah Al-Qasas ayat 51 yang membawa maksud "Demi sesungguhnya Kami telah menyebabkan perkataan ini (wsl, iaitu Al Quran) secara berturut-turut agar mereka beroleh peringatan serta berfikir".

Perkataan lain yang turut diterjemahkan yang membawa maksud komunikasi termasuklah qala (bercakap), nabba'a (memaklumkan), kataba (menulis), sami'a (mendengar), qara'a (membaca) serta balagha (menyampaikan) (Mohd Yusof Hussain 2008). Ini menunjukkan penekanan terhadap kemahiran berkomunikasi ini telah dikupas beribu tahun dahulu dan ianya menjadi tonjak nadi dalam membina kejayaan di dunia mahupun mengecapi kejayaan abadi di akhirat sana. Islam begitu menitik-beratkan tentang pemantapan dari sudut rohani serta sahsiah diri ini. Hal ini kerana di dalam Al Quran turut menyatakan pelbagai masalah dapat diungkai sekiranya sesuatu dialog yang bernas dapat dihujah dengan begitu teliti dan ianya akan mengundang kepada satu penyelesaian yang baik. Kesan dari itu dapat dipraktikkan di alam dunia pekerjaan kerana kehidupan kita sehari-hari menuntut supaya kita senantiasa berhubung dengan pelbagai lapisan masyarakat serta status sosial.

## MODEL KONSEPTUAL SOFTSKILL OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI UNTUK IPT MALAYSIA



Rajah 3: Model Konseptual Softskill oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk IPT Malaysia.

Berdasarkan rajah di atas, selaras dengan perubahan dunia global yang menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, pelbagai inisiatif telah diambil oleh pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia bagi menghasilkan graduan yang mempunyai keterampilan, kompeten dan mampu bersaing dalam era global (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006). Tujuh domain utama telah disenaraikan sebagai garis panduan kepada semua IPT di seluruh Malaysia untuk melahirkan graduan yang cekap serta mencapai standard kriteria yang ingin diterapkan. Tujuh domain tersebut adalah:

- a) Kemahiran Komunikasi
- b) Pemikiran kritis dan penyelesaian masalah
- c) Kemahiran kerja berpasukan
- d) Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat
- e) Kemahiran keusahawanan
- f) Etika dan moral profesional
- g) Kemahiran kepimpinan

Sorotan dari ketujuh-tujuh domain ini, hanya tiga aspek yang akan dikupas sesuai dengan objektif kertas konsep ini dilaksanakan. Tiga aspek yang dinyatakan adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah serta kemahiran kerja berpasukan. Kepentingan untuk mendalami tiga aspek teratas ini dilihat begitu penting demi memenuhi keperluan negara industri pada masa kini. Tidak semua graduan mempunyai keupayaan untuk menyanyi antara satu sama lain. Hal ini terjadi dek kerana tahap keupayaan seseorang individu itu sebenarnya terbatas. Tetapi ini bukanlah menjadi suatu penghalang untuk seseorang itu berjaya di hari muka. Persediaan dari segi fizikal dan mental amatlah perlu dititik-beratkan kerana ianya tidak merugikan malah memberi keuntungan pada saat yang tidak diduga.

## 6.0 TAKRIFAN OPERASIONAL

### KEMAHIRAN INSANIAH

Menurut Abd Razzaq, Md Yunos, Hashim & Sawah (2010) mendefinisikan kemahiran insaniah sebagai *employable skills* iaitu melakukan sesuatu kerja dengan lebih pratikal dan realistik bergantung kepada keupayaan dan kemahiran seseorang tersebut. Kemahiran insaniah yang diuraikan ini membawa maksud bahawa seseorang graduan itu perlulah mengetahui tahap kemampuan yang mereka miliki bukan sahaja dari

sudut intelektual, malah mempunyai keupayaan dari sudut dalaman yang hanya dapat dinilai oleh diri sendiri.

### **6.1 KEMAHIRAN KOMUNIKASI**

Kemahiran berkomunikasi melibatkan komunikasi yang berkesan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam konteks yang berlainan dan dengan peserta komunikasi yang berlainan. Dalam kertas konsep ini merujuk kepada penguasaan kemahiran komunikasi pelajar tahun akhir di Institusi Pengajian Tinggi Swasta dari sudut kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan dan dengan penuh keyakinan secara lisan dan bertulis. Selain itu, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif serta memberi maklum balas yang betul dan kebolehan membuat pembentangan secara jelas dengan penuh keyakinan dan bersesuaian dengan tahap pendengar.

### **6.2 PEMIKIRAN KRITIS DAN PENYELESAIAN MASALAH**

Kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis dalam konteks yang akan dikupas melibatkan beberapa aspek seperti kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada sesuatu yang baharu, kebolehan berfikir secara analitis, kritis dan inovatif.

### **6.3 KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN**

Kemahiran ini melibatkan kebolehan bakal graduan untuk bekerjasama dalam kumpulan ataupun dengan pihak lain yang mempunyai latar belakang sosial yang pelbagai untuk mencapai matlamat yang sama. Antara elemen penting yang berkaitan dengan kemahiran ini ialah interaksi yang baik sesama ahli kumpulan, bekerja secara efektif untuk mencapai objektif yang sama, kebolehan memahami antara satu sama lain serta sikap menghormati dan percaya sesama ahli kumpulan.

## **7.0 HURAIAN DAN PERINCIAN TENTANG ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH**

### **7.1 KEMAHIRAN KOMUNIKASI**

Pembelajaran berkesan merupakan proses interaktif yang memberi ruang kepada pelajar untuk berinteraksi, saling bantu, menjalankan tanggungjawab, membina keyakinan diri dan seumpamanya (Nurul Salmi dan Mohd Isha, 2014). Bermula dari proses suai kenal sehinggalah terjalinnya hubungan yang erat serta kukuh semuanya berpaksikan kemahiran komunikasi yang berkesan. Seseorang yang pasif agak sukar untuk didekati malah ianya akan menyekat dari mempelajari sesuatu yang baharu. Proses pembelajaran formal yang bermula di sekolah merupakan satu platform yang penting demi mewujudkan rasa keyakinan diri yang unggul. Kemampuan berkomunikasi dengan baik juga dapat membantu guru menerapkan nilai-nilai yang positif bagi meningkatkan kemahiran sosial dan emosi pelajar. Kualiti perkembangan sosial dan pengajaran dalam sesebuah organisasi ditentukan oleh mekanisme hubungan sosial yang dibina dalamnya seperti penggunaan bahasa yang berkesan, proses interaksi, komunikasi terbuka dan kemahiran lisan (Rahim, 2011). Penguasaan komunikasi ini penting demi melihat tahap kematangan seseorang itu menginterpretasi sesuatu maksud serta menghujahkan sesuatu pendapat dengan rasional dan relevan. Ini membuktikan kecerdasan emosi dapat melahirkan satu kebolehan berkomunikasi yang positif serta mendorong kepada satu tindak tanduk yang rasional. Hal ini dipersetujui oleh Eling dan Siti Zulaikha (2011) menyatakan jika seseorang yang tidak memiliki kecerdasan emosi, maka dia akan menghadapi kesukaran mengurus emosinya secara baik dalam bekerja.

Gerak geri badan serta bait-bait perkataan yang dituturkan akan mempengaruhi orang yang menerima mesej yang ingin disampaikan. Interaksi yang diistilahkan sebagai secara lisan dan juga bukan lisan ini amatlah penting demi menjaga hubungan sesama rakan sekerja. Elemen yang wujud dalam komunikasi gerak tubuh ini merupakan salah satu pelengkap supaya informasi yang disampaikan itu tepat dan jelas (Maizatul dan Noor Afzaliza, 2017). Kajian yang dijalankan oleh International Employer Barometer (IEB) mengenai Kebolehpasaran Siswazah: Apa Yang Majikan Fikir Dan Mahu (2008) mendapati bahawa 86 peratus majikan menganggap bahawa kemahiran berkomunikasi dengan baik adalah sangat penting dan kebanyakan majikan kurang berpuas hati dengan cara para graduan mempersembahkan diri mereka dengan berkesan.

### **7.2 PEMIKIRAN KRITIS DAN PENYELESAIAN MASALAH**

Gaya pemikiran yang sering dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji, dan dipandang serius oleh majikan, ialah gaya berfikir kreatif dan gaya berfikir kritis, (Ahmad, Mohamad & Subari, 2006). Berfikir secara kritis merupakan satu elemen penting dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Mengambil keputusan

yang bernas adalah disifatkan sebagai suatu keupayaan yang mampu dilakukan untuk menangani sebarang kesukaran samada kecil mahupun besar. Cara otak berfikir secara rasional merupakan satu komponen yang penting dalam meneraju sesuatu yang baharu. Menerokai dunia pekerjaan yang semakin hari kian mencabar akan mendesak seseorang individu itu bijak untuk menangani sebarang cabaran yang akan ditempuhi. Dari perspektif Islam pula, terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk menggalakkan pemikiran manusia dalam proses penyelesaian masalah seperti refleksi masa lampau, pemerhatian, demonstrasi dan pertanyaan (Siddig Ahmad, t.t). Pemikiran yang bernas akan membantu merencanakan sesuatu yang lebih inovatif demi kepentingan syarikat mahupun peribadi. Sesuatu masalah itu tidak akan wujud kecuali disertakan dengan jalan penyelesaian yang berhikmah.

Hasil temu bual yang dilakukan oleh Abdul Fatah (2012) terhadap Ketua Pegawai Sumber Manusia Hong Leong Bank Roman Chelvarajasingam berkata ramai graduan baru tidak mempunyai kemahiran pemikiran kritikal dalam penyelesaian masalah yang diperlukan untuk bersaing dalam dunia yang sentiasa berubah dan menjadi semakin kompetitif. Selain kepantasan tenaga kerja yang diperlukan oleh majikan, kebolehpayaan dalam menyelesaikan sesuatu masalah juga merupakan satu intipati yang dianggap penting. Pelbagai masalah serta cabaran akan ditempuh dan berbekalkan pengalaman yang sedia ada sedikit sebanyak dapat menjadi penyuluh kepada jalan penyelesaian pada masa hadapan.

Nilai positif, kepimpinan, kerjasama berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan adalah aspek-aspek dalam kemahiran generik yang terkandung dalam kemahiran insaniah (Razzaly, Baba, Sh Ahmad, Md Ali & Sayadi, 2007), dengan kata lain, kemahiran generik asas kemahiran umum tentang kualiti, kebolehan dan ciri yang membolehkan seseorang berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis, bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan.

### **7.3 KERJA BERPASUKAN**

Kemahiran insaniah (soft skills) seperti bekerja dalam kumpulan adalah sangat penting, malahan lebih penting dari kemahiran teras (hard skills) walaupun kemahiran menulis dan berkaitan nombor yang baik dianggap penting oleh hampir 70 peratus majikan pada masa kini (Muhammad Hazrul Ismail, 2014). Sikap individualistik atau berkepentingan peribadi haruslah dikikis sama sekali dalam usaha untuk memajukan potensi diri serta menunjukkan sikap positif dalam kalangan rakan sekerja. Sejak dari bangku sekolah lagi pelajar telah didedahkan dengan semangat setia kawan serta sentiasa mementingkan kerja berpasukan agar sesuatu yang ingin dicapai itu tidaklah begitu sukar untuk dikecapi malah ianya menjadi salah satu tunggak utama untuk berjaya. Belajar dari rakan sebaya menerusi perbincangan yang telus akan membuahkan hasil yang produktif. Segala akal buah fikiran akan diperhalusi dan difahami agar ianya mendapat persetujuan semua pihak. Kerja secara berpasukan ini juga mampu dilihat sebagai keupayaan untuk bekerja secara kumpulan dan mengasah bakat seseorang individu itu untuk menjadi seorang pemimpin yang adil. Persaingan yang sihat sesama ahli kumpulan akan menjadi lebih mudah diselesaikan kerana perkongsian pendapat sesama ahli kumpulan dalam meringankan beban yang dikandung selama ini (Zurina, 2004)

### **8.0 CADANGAN**

Keupayaan kemahiran insaniah seseorang individu itu tidak dapat diterjemahkan melainkan ianya dicungkil oleh individu itu sendiri. Ianya perlu diukur dengan menguji tahap kemampuan bakat yang mereka perolehi. Untuk menempatkan diri dalam dunia pekerjaan yang semakin hari kian kompetitif ini, sikap malas serta terlalu bergantung kepada pihak lain perlulah dikikis agar ianya tidak menjalar sehingga menjadi lebih kronik. Usaha serta motivasi yang tinggi perlu dipupuk agar stigma “berdiri atas kaki sendiri” dapat dibuktikan dengan kejayaan yang tidak terduga.

Selain dari menerokai peluang pekerjaan yang sedia ada, para graduan yang dianggap masih setahun jagung ini juga perlu tampil memberanikan diri mencetus pekerjaan yang baharu. Sebagai contoh, eksplorasi terhadap dunia pertanian dalam kalangan usahatani moden amatlah digalakkan oleh pihak kerajaan. Pelbagai inisiatif boleh dipilih serta diambil kira kerana ianya akan memberikan prospek perniagaan yang menguntungkan pada masa hadapan. Selain itu, pengalaman hidup yang dilalui boleh dilihat sebagai satu bekalan yang dapat membantu untuk memamatkan seseorang itu untuk berfikir. Andaian yang selalu majikan perkatakan tentang graduan yang baru sahaja tamat pelajaran ini sebagai seseorang yang tidak mencukupi pengalaman yang mantap haruslah ditepis oleh graduan itu sendiri dengan menonjolkan diri secara bijaksana.



Selain itu, peranan Institusi Pengajian Tinggi juga perlulah memikirkan pelbagai kaedah atau strategi yang mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu malah dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan duniawi itu agar dapat menjadi seorang pekerja yang cekap dan berkolehan tinggi dalam pelbagai tugas. Menurut Rahimin Affandi et al. (2009), terdapat tiga peranan penting yang boleh disumbangkan oleh institusi pendidikan tinggi Islam iaitu:

- i. Melahirkan insan yang sempurna dan seimbang dari segi jasad, roh dan akal bagi memenuhi tujuan pengabdian kepada Allah.
- ii. Melahirkan tenaga kerja dan intelektual ummah yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan dan berhemah mengikut bidang kemahiran tertentu.
- iii. Melahirkan golongan ilmuwan dan sarjana yang boleh membangun dan memperkembangkan sesuatu disiplin keilmuan Islam moden.

Tambahan lagi, seseorang graduan beragama Islam perlu menggantungkan hidayah, inayah dan petunjuk agama dalam kehidupan. Sifat ini perlu diterapkan dalam diri graduan untuk meningkatkan lagi kemahiran insaniah selain daripada kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan dan sebagainya.

## 9.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, penerapan kemahiran insaniah ini merupakan elemen penting dalam menempatkan diri dalam dunia pekerjaan pada masa kini. Walaupun Malaysia merencanakan untuk mentransformasi dari menjadi negara industri dan beralih kepada negara berpendapatan tinggi, namun kemahiran insaniah ini tidak dapat diketepikan kepentingannya. Menerajui dunia akhir zaman yang semakin kompleks kini, penerapan insaniah yang telah dikupas dari sudut pandangan Islam juga perlu diambil kira kerana ianya akan membekalkan kekuatan rohani untuk diaplikasikan kepada kekuatan jasmani. Sentiasa bersikap positif serta yakin pada keupayaan diri adalah satu titik tolak yang membawa kepada kejayaan.

## 10.0 RUJUKAN

- Abd Razzaq, A.R., Md Yunos, J., Hashim, J., dan Sawah, N. (2010). Penerapan Dan Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Proses P&P Bagi Program Pengurusan Hotel Dan Katering Di Politeknik Ke Arah Keperluan Industri. Dalam : Esa. A. & Mustafa, M.Z. *Kemahiran Insaniah : Kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat : Penerbit UTHM.
- Abdul Fatah, F.M. (2012, Mac 4). Graduan Tempatan Gagal Tepat Kehendak Majikan. *Berita Harian*, ms 15.
- Abdul Rahim Abd. Rashid. (2011). *Profesionalisme motivasi pengurusan bilik darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Consolata N. Ochieno. 2013. Effects of Retrenchment on Organizational Performance at the Telkom Kenya, Eldoret Branch. *Journal of Emerging Trends in Economics and Management Sciences*, 4(4):409-416.
- Bank Negara Malaysia. 2017. Prospek dan Dasar pada tahun 2017 Pengangguran Belia di Malaysia. Laporan Tahunan 2016. [https://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2016/cp04\\_003\\_rencana.pdf](https://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/bm/2016/cp04_003_rencana.pdf) (8 Disember 2017)
- Dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan. 2006 [www.pmo.gov.my/dokumentaattached/RMK/RMK9\\_Mds.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumentaattached/RMK/RMK9_Mds.pdf) (12 Disember 2017).
- Eling Purwanto Jati & Siti Zulaikha Wulandari. 2011. Peranan budaya organisasi dan kecerdasan emosional dalam mempengaruhi sikap terhadap perubahan. *Studi Kasus Pada Dosen Universitas Jenderal Soedirman*. 13(1): 128-152.
- Jabnoun, Naceur. 1985. *Basic Concept of Management in Islam*. Kuala Lumpur : Institute for Policy Research of Malaysia.
- Ghazali Sulaiman. 2007. *Komunikasi Islam*. In S. Salahudin Suyumo, et. al (eds.). *Islam dan Komunikasi*. Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti UiTM.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2006). "Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi." Universiti Putra Malaysia. Serdang, Malaysia.

- Khatijah Omar dan Siti Nazilah Mat Ali (2006). "Kemahiran Generik Ke Arah Pengukuhan Modal Insan Kelas Global." In: National Student Development Conference (NASDEC) 2006, 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Lesli L. (2005). 60 000 Graduan Malaysia Menganggur, Tinjauan Mendapati Ramai adalah Melayu, Lemah Bahasa Inggeris, Ijazah yang Tidak Relevan. Malaysia Today.
- Maizatul Haizan Mahbob & Noor Afzaliza Nazira Ibrahim. 2017. Kecerdasan emosi, komunikasi non-verbal dan keterampilan peribadi Para Pekerja dalam Konteks Komunikasi Keorganisasian. Jurnal Komunikasi. Universiti Kebangsaan Malaysia, 33(1) : 368-382.
- Muhammad Hazrul Ismail (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. 6 (2): 906 – 913. Kertas dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Universiti Malaysia Sabah, 28-29 Oktober 2010.
- Mohd. Yusof Hussain. 2008. Communication in Muslim Nations. Gombak : IIUM press.
- Noraini Mohd Noor & Haslina Mohamad. (t.t) Persepsi majikan terhadap faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerja OKU. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. 2014. Tahap kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar sarjana muda pendidikan ipta di utara semenanjung Malaysia. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 4 (2): 44-56.
- Pelan Integriti Nasional. 2004. Institusi Integriti Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Lazim Omar, Nor Adina Abd Kadir & Norhayati Dahlal (2009). Kemahiran Insaniah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Islam Malaysia dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan. Jati.
- Razzaly, W., Baba, I., Sh Amah, S.S., Md Ali, Z., dan Sayadi, Z.A. (2007). Panduan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Batu Pahat: UTHM.
- Redman, T., & Wilkinson, A. (2009). Contemporary Human Resource Management: Text and cases (3rd ed.). Prentice Hall, England.
- Siddiq Ahmad (t.t) Generic Skills from Qur'anic Perspective.
- Zurina binti Bahrin. 2004. Faktor mempengaruhi keberkesanan kerja berpasukan di kalangan pekerja bukan eksekutif di Lembaga Pelabuhan Rajang Sibul Sarawak. Universiti Malaysia Sarawak.